

MASALAH DAN PROSPEK PERKHIDMATAN
BAS DUA TINGKAT DI LEMBAH KELANG

| | |
|-----------------------|----------|
| ABONG AMPING | 88523268 |
| MOHD JOHAR BOSRI | 88906911 |
| ABDUL TALIB ABDUL | 87924282 |
| NOOR AZMI MASARUDDIN | 88910724 |
| WAN AZHAR WAN IBRAHIM | 87903273 |
| NAWAWI HUSIN | 87932680 |

Kertas Kajian dibuat sebagai memenuhi syarat untuk
mendapatkan Diploma Perolehan dan Pengurusan,
Institut Teknologi Mara.

KAJIAN LUAR KAMPUS
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
PETALING JAYA, SELANGOR

APRIL 1992

PENGHARGAAN

Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Mohd. Tahir bin Haji Abdul Hamid, Pensyarah Kanan, Pengurusan Pemasaran, Institut Teknologi Mara, Shah Alam sebagai penasihat yang telah banyak memberikan panduan serta tunjuk-ajar di dalam menyiapkan kajian ini. Sokongan serta bimbingan yang diberi oleh beliau adalah sangat kami hargai dan sanjung tinggi.

Kami di sini juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Syarikat Sri Jaya Kumpulan Bhd. khususnya Eksekutif Perhubungan Awamnya, Cik Hanim Abdul Hamid dan Encik Fuad yang telah bekerjasama untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting serta membantu menyediakan bahan-bahan rujukan bercetak untuk menjayakan kajian ini. Segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan oleh mereka adalah sangat kami hargai.

Akhir kata kami, sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih serta merakamkan setinggi penghargaan kepada setiap individu, ahli-ahli kumpulan, Sri Jaya Kumpulan Sdn. Bhd., rakan-rakan seperjuangan dan orang-ramai yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan pertolongan di dalam menjayakan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian mengenai masalah dan prospek perkhidmatan bas dua tingkat di sekitar Lembah Kelang khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk mengetahui kenapa perkhidmatan bas jenis ini tidak diteruskan oleh Syarikat Sri Jaya Kumpulan Bhd. setelah tamat tempuh percubaannya pada pertengahan tahun 1990. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sambutan serta pandangan orang ramai terhadap perkhidmatan bas jenis ini. Kesimpulan yang terdapat daripada siasatan yang tersebut di atas akan menentukan samada perkhidmatan bas jenis ini akan mempunyai prospek atau tidak.

Pendekatan secara kajian-kes dengan menggunakan dua fasa akan dilakukan di dalam kajian ini. Di dalam fasa pertama, kajian terperinci dengan menggunakan soalan-soalan terbuka dan jawapan cara bebas akan digunakan untuk menemuramah pihak pengurusan Sri Jaya Kumpulan Bhd. bagi mengenalpasti masalah dan implikasinya sekiranya perkhidmatan bas jenis diteruskan. Di dalam fasa kedua kaedah persampelan yang bersesuaian akan digunakan untuk mendapatkan maklumat serta maklumbalas dari populasi yang telah dipilih. Pengumpulan data dengan menggunakan borang soal selidik serta membuat analisa secara statistik telah dilakukan di dalam fasa ini. Pemilihan sampel yang terdiri daripada 150 responden di mana ia akan mewakili setiap kelompok atau sektor akan dilakukan dengan teliti untuk mengelakkan sebarang prasangka. Di dalam fasa kedua ini dua kaedah sampel yang tidak berkemungkinan iaitu sampel yang memudahkan dan sampel kuota akan digunakan untuk tujuan kajian ini. Pemilihan kaedah persampelan yang tersebut di atas adalah keputusan yang dianggap wajar setelah mempertimbangkan implikasi dari masalah yang mungkin timbul semasa membuat kajian nanti.

Ujian perintis dengan menggunakan 30 set borang soal selidik telah dilakukan terhadap pengguna yang menggunakan perkhidmatan bas sebagai pengangkutan utama mereka. Sepuluh lagi set borang soal selidik juga telah diberikan kepada pengguna kenderaan lain untuk mendapatkan pandangan umum mereka terhadap perkhidmatan bas jenis ini. Hasil dan keputusan yang terdapat daripada ujian perintis ini amat mengalakkan. Maklumat dan maklumbalas yang terdapat daripada ujian perintis ini telah membantu para pengkaji untuk merangka dan merancang bagaimana kajian sebenar harus dijalankan. Hasil dan keputusan di dalam kajian ini tidak akan dibincangkan di dalam buku ini kerana silabus yang disediakan di dalam kursus ini hanya terhad kepada metodologi kajian sahaja.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | | | |
|------------|-----|---|---------|
| BAHAGIAN 1 | 1.0 | PENGENALAN | |
| | 1.1 | Latarbelakeng Kajian | 1 - 2 |
| | 1.2 | Objektif Kajian | 2 - 4 |
| | 1.3 | Kepentingan Kajian | 4 - 6 |
| | 1.4 | Skop Kajian | 6 - 7 |
| | 1.5 | Batasan Kajian | 7 - 9 |
| | 1.6 | Takrif Istilah | 9 - 11 |
| BAHAGIAN 2 | 2.0 | ULASAN BAHAN KAJIAN | |
| | 2.1 | Pengenalan | 12 - 14 |
| | 2.2 | Pengangkutan Am | 14 - 16 |
| | 2.3 | Jenis Bas | 16 - 18 |
| | 2.4 | Masalah Pengangkutan | 18 - 21 |
| | 2.5 | Langkah Atau Tindakan Kerajaan | 22 - 24 |
| | 2.6 | Ciri-ciri Jalanraya Untuk Kegunaan Bas | 25 - 27 |
| | 2.7 | Latar Belakang Sri Jaya Kumpulan Bhd. | 27 - 29 |
| | 2.8 | Kebaikan Bas Dua Tingkat | 30 - 33 |
| BAHAGIAN 3 | 3.0 | METHODOLOGI KAJIAN | |
| | 3.1 | Pengenalan | 34 - 37 |
| | 3.2 | Pengumpulan Data | 37 - 39 |
| | 3.3 | Kaedah Pengumpulan Data | 39 - 43 |

| | | |
|-----|-----------------------|---------|
| 3.4 | Persampelan | 43 - 48 |
| 3.5 | Soal selidik | 48 - 49 |
| 3.6 | Ujian Perintis | 50 - 52 |
| 3.7 | Ringkasan Kaji Semula | 52 - 54 |
| | Bibliografi | 55 |

APPENDIKS:

| | | |
|-------------|--|--|
| APPENDIK A: | Borang Soal Selidik | |
| APPENDIK B: | Surat Menyurat | |
| APPENDIK C: | Contoh Pengangkutan Awam yang Berteraskan Rel Transit Laju | |
| APPENDIK D: | Contoh Jenis Bas | |
| APPENDIK E: | Keratan Akhbar | |